

**KEPUASAN MAJIKAN TERHADAP PRESTASI PELAJAR KETIKA
MENJALANI LATIHAN INDUSTRI**

**NURUL HIDAYAH BINTI SALLEH
MH 102227**

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

KEPUASAN MAJIKAN TERHADAP PRESTASI PELAJAR KETIKA
MENJALANI LATIHAN INDUSTRI

NURUL HIDAYAH BINTI SALLEH

Disertasi ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Sains (Pembangunan Sumber Manusia)

Fakulti Pengurusan
Universiti Teknologi Malaysia

JUN 2014

Dedikasi

Teristimewa buat keluarga dan rakan yang sentiasa memahami serta terlibat dalam proses penyiapan tesis ini. Tidak dilupakan juga bagi pihak majikan yang sentiasa memberi dorongan dan membantu dalam memberi tunjuk ajar semasa menyiapkan tesis ini. Tidak juga dilupakan kepada Dr. Maisarah Mohamed Saat yang banyak membantu serta memberikan tunjuk ajar sepanjang penyiapan tesis ini. Walaupun ada nama yang tidak dinyatakan pada kepingan kertas ini anda sentiasa berada hati dan semoga Allah dapat membalas segala budi dan kasih sayang yang tidak terhingga kepada kalian. InsyaAllah.

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya maka saya dapat menyiapkan laporan ini dengan jayanya dalam masa yang diperuntukkan.

Di kesempatan ini ingin saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Encik Baharin Bin Mesir, selaku penyelia saya di atas sokongan dan tunjuk ajar yang diberikan. Segala yang dipelajari daripada beliau amat berguna dalam menjayakan tesis ini.

Kepada bapa saya Encik Salleh bin Saidi yang tidak pernah jemu-jemu memberi sokongan dan semangat semasa saya melanjutkan pengajian ini. Dorongan, doa dan keperluan material yang diberikan amat saya hargai dan tidak saya balas dengan wang ringgit. Turut tidak saya lupakan Dr. Norashikin Mahmud yang banyak memberi tunjuk ajar dalam penyediaan tesis ini serta sahabat-sahabat, kawan-kawan, kenalan dan juga teman seperjuangan yang telah memberi sokongan dan pendapat. Akhir kata, terima kasih yang tidak terhingga sekali lagi kepada semua yang terlibat dalam saya melaksanakan tesis ini.

ABSTRACT

The training is compulsory course to be followed by the students. The objective of the study is to examine the employers' satisfaction with the ability of students in performing tasks in practical training using the theory of Bloom's Taxonomy, examine the level of satisfaction of the students in terms of employer attitudes and personalities of students based on gender, examining the level of employer satisfaction with student relationship with the employer in accordance with program and identify a curriculum that is carried out by the college to meet the needs of employers. A total of 122 people from 90 organizations of employers who undergo industrial training for final semester December 2012/ January 2013 involved in this study. The methodologies used in this study are quantitative and qualitative. The results showed that the process of learning in practical training and theoretical effectiveness of Bloom's Taxonomy used in this study to assess the ability of students in performing tasks while undergoing industrial training meet the needs of employers. The study also found no difference in the attitude and personality of the female students and male students in practical training and also showed the relationship of students with employers or co-workers among the students of Diploma in Information Technology program is better than the other students. From interviews also found employers are satisfied with the curriculum carried out by colleges INSTEDT. The study suggests that all parties involved should work together to increase the employability of graduates will not only depend on academic achievement but relies on practical skills and soft skills to meet the needs of employers and the job market.

ABSTRAK

Latihan industri merupakan kursus wajib yang perlu diikuti oleh pelajar. Objektif kajian ialah mengkaji kepuasan majikan terhadap kebolehan atau kemampuan pelajar dalam melaksanakan tugas semasa menjalani latihan industri dengan menggunakan teori Taksonomi Bloom, mengkaji tahap kepuasan majikan terhadap pelajar dari aspek sikap dan personaliti pelajar berdasarkan jantina, mengkaji tahap kepuasan majikan terhadap hubungan pelajar dengan majikan mengikut program dan mengenalpasti kurikulum yang dijalankan oleh pihak kolej memenuhi kehendak majikan. Seramai 122 orang majikan dari 90 buah organisasi, iaitu majikan kepada pelajar INSTEDT yang menjalankan latihan industri bagi semester akhir sesi Disember 2012/Januari 2013 di sekitar negeri Johor dan luar negeri Johor yang dipilih sebagai sampel kajian. Metodologi kajian yang digunakan ialah menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Analisis deskriptif seperti min, ujian t tidak bersandar dan ANOVA satu hala digunakan. Hasil kajian menunjukkan proses pembelajaran semasa menjalani latihan industri dan keberkesanan teori Taksonomi Bloom yang digunakan dalam kajian ini bagi menilai kebolehan atau kemampuan pelajar dalam melaksanakan tugas ketika menjalani latihan industri memenuhi kehendak majikan. Kajian ini juga mendapati tiada perbezaan mengenai sikap dan personaliti di antara pelajar perempuan dan pelajar lelaki semasa menjalani latihan industri serta kajian juga mendapati hubungan pelajar dengan majikan atau rakan sekerja di kalangan pelajar Diploma Teknologi Maklumat adalah baik berbanding pelajar program lain. Hasil temubual juga mendapati majikan berpuashati dengan kurikulum yang dijalankan oleh kolej INSTEDT. Kajian mencadangkan bahawa semua pihak yang terlibat harus berganding bahu bagi meningkatkan kebolehpasaran para graduan bukan sahaja bergantung pada pencapaian akademik tetapi bergantung kepada kemahiran praktikal dan kemahiran insaniah bagi memenuhi kehendak majikan dan pasaran kerja

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGISYTIHARAAN	i
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRACT	v
	ABSTRAK	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI SINGKATAN	x
1	Pengenalan	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	4
	1.3 Penyataan Masalah	6
	1.4 Persoalan Kajian	10
	1.5 Objektif Kajian	10
	1.6 Kepentingan Kajian	11
	1.7 Skop Kajian	14
	1.8 Definisi Konsep dan Operasional	15
2	Kajian Literatur	
	2.1 Pendahuluan	19
	2.2 Dasar Latihan Industri Institusi Pengajian Tinggi	20
	2.3 Syarat Menjalani Latihan Industri di Institut Sains dan Teknologi Darul Takzim (INSTEDT)	23

2.4	Kebolehan atau Kemampuan Pelajar dalam Melaksanakan tugas yang diberikan oleh Majikan	25
2.5	Kepuasan Majikan terhadap Sikap dan Personaliti Pelajar	54
2.6	Kurikulum yang memnuhi kehendak Majikan	63
2.7	Kepuasan Majikan terhadap Hubungan Pelajar dengan Rakan Sekerja dan Majikan	69
2.8	Kesimpulan	74
3	KAEDAHKAJIAN	
3.1	Pengenalan	75
3.2	Rekabentuk Kajian	76
3.3	Prosedur Kajian	82
3.4	Pemilihan Sampel Kajian	84
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	85
3.6	Kajian Rintis	87
3.7	Analisis Data	90
3.8	Kesimpulan	91
4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pendahuluan	92
4.2	Profil Responden dan Pelajar	93
4.3	Kepuasan Majikan terhadap Kebolehan atau Kemampuan Pelajar dalam Melaksanakan Tugas yang diberikan oleh Majikan	94
4.4	Kepuasan Majikan terhadap Pelajar dari aspek Sikap dan Personaliti	103
4.5	Kepuasan Majikan terhadap Pelajar dari aspek Hubungan Pelajar dengan Rakan Sekerja atau Majikan	110
4.6	Maklum balas Majikan terhadap Keberkesanan Kurikulum yang dijalankan oleh pihak Kolej	115

5	PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	
	5.1 Pengenalan	125
	5.2 Perbincangan Dapatan Kajian	126
	5.3 Cadangan Kajian Lanjutan	142
	5.4 Cadangan Penyelidikan Masa Depan	145
	5.5 Batasan Kajian	147
	5.6 Penutup	149
6	RUJUKAN	150
7	LAMPIRAN	
	7.1 Apendix 1	170
	7.2 Apendix 2	176

SENARAI SINGKATAN

INSTEDT	-	Institut Sains dan Teknologi Darul Takzim
ULIP	-	Unit Latihan Industri
IPTA	-	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPT	-	Institut Pengajian Tinggi
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
MQA	-	Agensi Kelayakan Malaysia
UiTM	-	Universiti Teknologi MARA
UKM	-	Universiti Kebangsaan Malaysia
ICT	-	Information and communication technology
UUM	-	Universiti Utara Malaysia
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia
MPP	-	Majlis Perwakilan Pelajar
SPSS	-	Statistical Package for the Social Sciences

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Dalam era global yang berasaskan maklumat, peranan pendidikan tinggi telah menjadi semakin penting bagi pembangunan sosial dan ekonomi negara. Peningkatan permintaan untuk pendidikan tinggi terutama dalam negara yang pesat membangun menyebabkan transformasi sistem pendidikan menjadi pilihan dan berdaya saing bagi memenuhi keperluan semasa (Levy, 2006, Altbach, 1999, Gibbons, 1998). Sebagai hasil daripada perkembangan ini, pelbagai bentuk pendidikan tinggi telah secara beransur-ansur muncul dan kebanyakan kes kewujudan kolej swasta telah wujud disisi undang-undang bagi memastikan pendidikan tinggi untuk semua (Levy, 2006, Altbach, 1999, Gibbons, 1998).

Dalam merekrut pekerja baru, pasaran kerja sentiasa memberi penekanan kepada pengalaman bekerja sebagai tambahan kepada kelayakan sijil oleh itu, keperluan latihan industri atau pengalaman bekerja menjadi asas dalam sesebuah institusi pengajian tinggi (Maisarah dan Raja Adzrin, 2009). Di Malaysia, sesebuah institusi pengajian tinggi kini menyediakan pelajar dengan memberi peluang bagi menterjemahkan pengetahuan yang diperolehi kepada amalan melalui latihan industri. Tempoh latihan yang berlangsung kira-kira enam bulan bertujuan bagi membangunkan kemahiran yang diperlukan oleh industri dan ini seolah-olah menjadi peranan penting untuk menyediakan tenaga kerja yang berkualiti dan profesional pada masa depan (Omar et. al, 2008).

Oleh itu, memiliki diploma sahaja tidak menjamin pekerjaan seseorang sebaliknya, para graduan harus mempunyai pengetahuan yang relevan dan terkini, kemahiran insaniah serta sikap yang positif untuk melengkapkan diri sebelum menghadapi dunia pekerjaan yang sebenar. Untuk meningkatkan tahap mampu kerja para graduan, program latihan industri yang diperkenalkan adalah untuk memperkasa kompetensi yang diperlukan. Latihan industri memberi pelajar peluang pembelajaran di dunia pekerjaan untuk menerima pengalaman praktikal supaya dapat mempertingkatkan kebolehpasarannya (*marketability*) (Dasar Latihan Industri Pengajian Tinggi, 2010).

Dalam konteks Institut Sains dan Teknologi Darul Takzim (INSTEDT), latihan industri merupakan satu latihan amali untuk pelajar mempraktikkan segala teori yang telah dipelajari dan merupakan syarat yang mesti dipenuhi oleh pelajar bagi mereka melengkapkan pengajian mereka sebelum bergraduasi (Unit Latihan Industri INSTEDT, 2011). Menurut Abdul Halim bin Majid (2010) latihan industri memperlihatkan reaksi positif pelatih, peningkatan pengetahuan dan kemahiran, perubahan kelakuan yang lebih baik serta menghasilkan prestasi kerja seseorang pelatih atau pelajar terbabit.

Kursus Latihan Industri menjadi pentas kepada pelajar untuk mendapatkan pengalaman dan pengetahuan yang lebih maju seiring perubahan teknologi serta pengaplikasian pengetahuan sedia ada pelajar dan menjadi nilai tambahan pengalaman kepada pelajar (Ariffudin dan Liyana, 2008). Ini bermakna, latihan industri juga dapat membantu pembentukan karektor dan ketrampilan diri pelajar dan kemahiran insaniah juga dapat dipertingkatkan sepanjang latihan industri.

Begitu juga halnya apabila diteliti mengenai peranan penting yang dimainkan melalui program latihan industri dalam perkembangan professional, pelbagai penerbitan tentang kajian-kajian terdahulu yang berkaitan telah mengenal pasti beberapa isu utama berkisar kepada aspek teori reka bentuk dan pengalaman dalam pelaksanaan latihan industri (Dras & Miller, 2002; Lloyd & Briston, 2006; Ovens, 2004), pendedahan mengenai persepsi bakal pekerja/pelatih (*intern*) dan penyelia tentang sesuatu program praktikum yang baik (Beck & Kosnick, 2002; Henry, Rehwaldt, Vineyard, 2001; Kantha Kumar Ramasamy, 1997), perubahan bakal pekerja/pelatih (*intern*) semasa program praktikum (Barney & Pleban, 2006; Girad, Hickam, Gordon & Robison, 1991; Griffith & Wilson, 2003), tekanan kerja semasa sesuatu program praktikum (Murray-Harvey, 2001; Tyssen, Vaglum, Gronvold & Ekeberg, 2005).

Manakala, Maisarah dan Raja Adzrin (2009) menyatakan latihan industri ialah satu cara penyediaan kepada pelajar bagi mendapatkan pendedahan kepada kehidupan sebenar bekerja dan ianya juga merapatkan jurang antara teori dan amalan. Menurut Knowles (1997), latihan industri merupakan usaha yang dirancang bagi memudahkan pembelajaran iaitu pada kecekapan kerja yang berkaitan pengetahuan, kemahiran atau tingkah laku yang penting bagi prestasi kerja yang baik dan secara umumnya strategi pendidikan berorientasikan individu untuk perubahan individu.

Daripada hasil kajian yang lepas, maka penyelidik ingin mengkaji kepuasan majikan terhadap pelajar INSTEDT dalam menjalani latihan industri. Di antara sebab kajian ini dilakukan dari sudut majikan adalah sebagai sokongan terhadap pendapat Wong et al. (2007) yang mengatakan pandangan daripada '*stakeholder*' adalah penting bagi menghasilkan graduan yang dikehendaki oleh pasaran.

Oleh itu, kajian yang dijalankan ini akan mengkaji kepuasan majikan dari segi kebolehan atau kemampuan pelajar dalam melaksanakan tugas atau kerja yang diberikan oleh majikan, mengkaji kepuasan majikan dari aspek sikap dan personaliti pelajar, hubungan pelajar dengan majikan serta mengenalpasti kurikulum yang dijalankan oleh pihak INSTEDT memenuhi kehendak majikan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Institut Sains dan Teknologi Darul Takzim (INSTEDT) merupakan sebuah kolej swasta yang terletak di Bandar Penawar-Desaru Kota Tinggi Johor dan telah beroperasi dari tahun 2005 hingga sekarang. Kolej ini menjalankan pelbagai program diploma di antaranya Diploma Teknologi Maklumat, Diploma Pengurusan Perakaunan, Diploma Pengurusan Perniagaan, Diploma Pehotelan dan Pelancongan.

Kesemua program yang dijalankan telah diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA); ini bermakna kurikulum yang dijalankan adalah berdasarkan kerangka yang telah ditetapkan oleh pihak MQA. Pengiktirafan ini penting bagi melayakkan graduan kolej ini diterima oleh semua Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan pasaran kerja dengan diploma yang dianugerahkan kepada pelajar.

Sehingga kini seramai lebih 1700 orang pelajar yang sedang mengikuti pengajian mereka di kolej ini dan seramai 800 orang pelajar telah pun bergraduasi. Program praktikum ataupun dikenali sebagai latihan industri merupakan komponen utama dalam kebanyakan struktur program pengajian di peringkat Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. Malahan program seumpama ini telah menjadi komponen wajib sebagai syarat bergraduasi bagi kebanyakan program di pusat pengajian tinggi.

Justeru itu, Unit Latihan Industri (ULIP) adalah pusat yang bertanggungjawab dalam urusan latihan industri pelajar. Dalam proses pengurusan latihan industri, pelajar yang telah memenuhi syarat menjalani latihan industri perlu mengemukakan namanya oleh Ketua Jabatan. Penempatan untuk pelajar menjalani latihan industri perlu dicari oleh pelajar sendiri dengan mengemukakan permohonan ke tempat tersebut dan selebihnya akan diuruskan oleh ULIP.

Di samping itu, penyeliaan latihan industri juga diadakan bertujuan memantau prestasi pelajar serta mendapat maklum balas daripada organisasi bagi mengetahui kepuasan atau masalah yang dihadapi oleh majikan semasa pelajar menjalani latihan industri di tempat mereka. Penyeliaan dilakukan oleh staf akademik yang dilantik mengikut setiap program pengajian masing-masing. Sehubungan dengan itu, penyeliaan secara bersama dengan pihak majikan akan dilaksanakan sepanjang tempoh latihan industri. Dalam tempoh latihan industri selama empat atau enam bulan, penyelia juga dikehendaki mengadakan lawatan ke organisasi sekurang-kurangnya sekali bagi memantau perkembangan pelajar dan mendapatkan maklum balas daripada pihak majikan.

Manakala, dalam proses penilaian latihan industri pelajar pula, ia melibatkan penyelia dari pihak kolej dan organisasi atau majikan yang terlibat. Penilaian latihan industri pelajar ditetapkan oleh pihak ULIP bagi tujuan perlaksanaan. Secara umumnya,

terdapat tiga komponen utama yang digunakan sebagai kriteria dalam penilaian praktikal. Komponen-komponen tersebut ialah laporan tugas, laporan organisasi dan laporan penyelia kolej. Oleh itu, adalah penting bagi penyelidik ingin mengkaji sejauh mana tahap kepuasan majikan terhadap lulusan pelajar kolej ini ketika menjalani latihan industri. Ini bagi memastikan mutu pelajar kolej ini setanding dengan pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang lain serta memenuhi kehendak majikan dan pasaran kerja semasa.

1.3 Penyataan Masalah

Hari ini banyak Institusi Pendidikan Tinggi beroperasi dan memainkan peranan penting sebagai pelengkap kepada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) (Damte, 2005). Universiti atau kolej swasta merupakan institusi yang bebas dari menerima pembiayaan kerajaan dan ditadbir serta diuruskan oleh individu dan ahli lembaga yang dilantik bagi mendapatkan keuntungan. Selain itu, institusi pengajian tinggi swasta juga telah diberi lesen bagi melengkapkan usaha kerajaan untuk menyediakan pendidikan universiti kepada orang ramai. (Belfield dan Levin, 2003). Oleh itu, perkembangan dan pemeliharaan tahap pendidikan tinggi awam dan swasta adalah penting. Menurut Hoxby (2002) sesetengah pendidik mengatakan bahawa Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) disediakan sebagai alternatif yang lebih berkesan dalam sistem pendidikan secara keseluruhan dalam pelaksanaan. Walau bagaimanapun, persoalan yang timbul sama ada kurikulum yang disediakan oleh pihak IPTS memenuhi kehendak majikan?.

Selari dengan itu, kajian ini dijalankan bertujuan bagi memperjelaskan bahawa kewujudan kolej atau universiti swasta adalah perkembangan yang baik sejajar dengan hasrat kerajaan Malaysia yang ingin melahirkan graduan yang berdedikasi dan

berkebolehan. Menurut hasil kajian Florence (2012) IPTS juga mempunyai taraf pendidikan yang baik setanding kualiti di IPTA. Oleh itu, tanggapan negatif terhadap IPTS harus diperbaiki oleh masyarakat setempat terutamanya terhadap INSTEDT yang beranggapan bahawa kebanyakan pelajar yang belajar di kolej ini adalah dari kalangan pelajar yang mendapat keputusan peperiksaan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) yang kurang baik berbanding pelajar yang mendapat tawaran menyambung pengajian di IPTA.

Oleh itu, melalui latihan industri yang dijalankan ini dapat membantu menyangkal tanggapan yang negatif terhadap kolej swasta terutama terhadap kolej INSTEDT. Hal ini adalah penting bagi INSTEDT dalam menilai penguasaan pelajar dari aspek kebolehan atau kemampuan pelajar yang dinilai melalui tahap kognitif, afektif dan psikomotor di mana penghasilan dari ketiga-tiga domain ini menghasilkan pelajar yang mempunyai sikap dan personaliti yang cemerlang di samping mewujudkan hubungan yang baik di antara rakan sekerja atau majikan semasa menjalani latihan industri.

Menurut Terry Lam dan Larry Ching (2007), biasanya pelajar tidak melaksanakan tugas atau kerja yang diberikan mengikut kehendak majikan atau jangkakan majikan kerana kekurangan penyediaan atau kekurangan keupayaan. Selain itu, menurut kajian Collin (2002) yang menyatakan hampir satu pertiga daripada responden mengadu tentang kekurangan orientasi tugas menyebabkan kesukaran dalam berkomunikasi dan membina hubungan baik dengan rakan sekerja semasa menjalani latihan industri. Manakala, Austin (2002) telah mengkaji terhadap satu program pelancongan dan hospitaliti di universiti di Malaysia mendapati telah menyediakan peluang latihan untuk pelajar hospitaliti namun, pihak universiti menghadapi masalah di mana pelatih kurang memberi komitmen dan ketidakupayaan atau keengganan untuk menyesuaikan diri dengan keperluan pekerjaan. Pelatih atau pelajar, sebaliknya, menganggap diri mereka sebagai "berpendidikan tinggi" dan

dengan itu hanya layak mendapat kedudukan yang berkualiti lebih baik daripada apa yang ditawarkan.

Dalam erti kata lain, latihan industri juga dapat membantu pembentukan karektor dan ketrampilan diri pelajar dan kemahiran insaniah seperti kemahiran intrapersonal iaitu kemahiran pelajar dalam penyesuaian diri di tempat kerja, kemahiran berinteraksi dan sifat kepimpinan yang perlu dipertingkatkan sepanjang latihan industri (Mok Soon Sang, 2006). Kemahiran-kemahiran ini kebanyakannya dikuasai oleh pelajar lelaki berbanding pelajar perempuan yang menguasai pencapaian akademik yang baik berbanding pelajar lelaki (Zalizan et al., 2005). Perbezaan sikap dan personaliti ini cuba dirungkaikan dalam kajian ini bagi melihat sejauh mana kebenaran perbezaan jantina ini mendatangkan masalah kepada pihak majikan khususnya.

Selain itu, kajian ini berkisar pada kajian tindakan penyelidik mengenai kemahiran insaniah terutama dalam perhubungan pelajar pada pandangan majikan latihan industri. Kajian ini bagi mengenal pasti komponen kemahiran insaniah yang kurang dikuasai oleh pelajar supaya boleh dititikberatkan oleh pihak berwajib. Malahan perbezaan pandangan dan pendapat terhadap program yang dijalankan oleh IPT khususnya di INSTEDT menjadi isu yang agak sensitif di mana perbezaan program ataupun jurusan pengajian ini menyebabkan jurang kemahiran insaniah di kalangan pelajar berlaku. Kebanyakan program ataupun jurusan dari aliran sains mendapat perhatian yang lebih berbanding jurusan bukan aliran sains. Ini dinyatakan dalam kajian Usha dan Liong (2007) menyatakan terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar dari jurusan sains dan sastera di mana pelajar jurusan sains didapati lebih yakin dalam kemahiran komunikasi dan penggunaan bahasa Inggeris. Inisiatif yang diambil ini bagi membongkar isu permasalahan perbezaan dari aspek hubungan pelajar dengan majikan atau dalam erti kata lain kemahiran insaniah pelajar di antara program ataupun jurusan pengajian terutama di INSTEDT.

Kebelakangan ini juga kebanyakan kajian yang berkaitan dengan latihan industri, hanya tertumpu kepada persepsi pelajar terhadap latihan industri dan selari dengan hasil kajian Noraini dan Luqman (2007) yang menyatakan pelajar yang telah menjalani latihan industri merupakan individu yang paling sesuai untuk menyatakan pendapat dan pengalaman mereka sewaktu menjalani latihan industri kerana mereka yang telah menjalani situasi yang sebenar. Manakala, hasil kajian mengenai persepsi majikan amat terbatas. Ini berdasarkan dakwaan oleh Goldschmidt (2005) yang menyatakan bahawa kajian mengenai kompetensi siswazah untuk meningkatkan peralihan graduan ke dalam pasaran buruh tidak disebarikan secara meluas. Di Amerika Syarikat contohnya, walaupun syarikat mempunyai kepentingan berhubung dengan tahap pendidikan graduan baru-baru ini, majoriti institut pangajian tinggi mereka tidak mempunyai sistem seragam untuk pengukuran majikan dalam hal ini.

Selari dengan itu, penyelidik berpendapat kepuasan majikan adalah aspek yang perlu diambil kira bagi melahirkan mutu pelajar yang diharapkan oleh pihak majikan dan kolej di samping mengetahui keberkesanan latihan industri yang dijalankan oleh pihak kolej. Hasil maklum balas daripada majikan berkaitan dengan kepuasan mereka terhadap prestasi pelajar yang menjalani latihan industri yang merangkumi empat elemen iaitu kemampuan atau kebolehan pelajar dalam menjalani latihan industri, sikap dan personaliti pelajar dan hubungan interpersonal pelajar dengan majikan dan keberkesanan kurikulum yang dijalankan oleh pihak INSTEDT memenuhi kehendak majikan dapat digunakan bagi membantu dalam menilai dan membuat penambahbaikan terhadap perancangan yang sedia ada. Menurut Abderrahman Hassi dan Giovanna Storti (2011) menyatakan tidak dapat dinafikan bahawa latihan industri adalah sangat penting dalam mengakses keupayaan pelajar terutamanya berkenaan dengan perubahan dalam amalan latihan dan sikap dalam sebuah budaya.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian di atas, beberapa persoalan kajian telah dikemukakan:

- i. Apakah kepuasan majikan terhadap kebolehan atau kemampuan pelajar dalam melaksanakan tugas yang diberikan oleh majikan sepanjang tempoh menjalani latihan industri.
- ii. Apakah kepuasan majikan terhadap pelajar dari aspek sikap dan personaliti berdasarkan jantina.
- iii. Apakah kepuasan majikan dari aspek hubungan pelajar dengan majikan ketika menjalani latihan industri berdasarkan program.
- iv. Sejauh manakah kurikulum yang dijalankan oleh pihak kolej memenuhi kehendak majikan.

1.5 Objektif Kajian

Berdasarkan permasalahan dan tujuan kajian, kajian ini menggariskan empat objektif seperti berikut:

- i. Mengkaji kepuasan majikan terhadap kebolehan atau kemampuan pelajar dalam melaksanakan tugas yang diberikan oleh majikan.
- ii. Mengkaji kepuasan majikan terhadap pelajar dari aspek sikap dan personaliti berdasarkan jantina.
- iii. Mengkaji tahap kepuasan majikan dari aspek hubungan pelajar dengan majikan ketika menjalani latihan industri berdasarkan program.
- iv. Mengenalpasti kurikulum yang dijalankan oleh pihak kolej memenuhi kehendak majikan.

1.6 Kepentingan Kajian

Dalam mengharungi kepesatan ekonomi yang semakin berkembang dan berteknologi tinggi, adalah diharapkan bahawa ianya seiring dengan perubahan keperluan kualiti seseorang individu yang dikehendaki oleh organisasi atau majikan. Ini selari dengan kajian Heijke, Meng, dan Ris (2003) yang menyatakan dalam mengharungi dunia kepesatan ini, para pelajar perlu melaksanakan tugas mereka bergantung kepada tahap dan jenis kompetensi yang mereka telah perolehi dalam pendidikan formal mereka.

Oleh itu, kepentingan kajian ini dapat dilihat dari tiga perspektif berbeza iaitu INSTEDT, majikan dan pelajar. Daripada perspektif INSTEDT, pengeluaran produk utama adalah pelajar, oleh itu pihak kolej ingin memastikan hasil penilaian yang dibuat oleh pihak majikan mendapat respon yang baik selain dapat membantu penambahbaikan program latihan industri dan merancang aspek penyeliaan dan pengurusan dengan lebih efektif. Menurut Pant dan Baroudi (2008) pada hari ini keadaan ekonomi yang mencabar menunjukkan bahawa ia tidak lagi mencukupi bagi graduan baru dengan hanya memiliki pengetahuan subjek akademik malah pelajar perlu mendapatkan kemahiran yang akan meningkatkan prospek kemahiran pekerjaan mereka. Melalui penilaian terhadap program merupakan aspek yang penting, ini kerana pandangan dan cadangan pihak majikan digunakan bagi memperbaiki kelemahan yang ada dan lebih penting dapat melahirkan graduan yang berkualiti sesuai dengan keperluan pelbagai Kementerian dan majikan (Mohd Samsol dan Hamdan, 2011).

Manakala, daripada perspektif pelajar pula, hasil daripada kajian ini boleh dijadikan panduan kepada pelajar dalam menyiapkan diri untuk menjalani latihan industri. Pelajar perlu memahami tujuan sebenar latihan industri bagi memperbaiki pengetahuan mereka, kemahiran dan kebolehan mereka (Feldman dan Whitcomb, 2005) dalam hubungan pengaplikasian profesional dan situasi sebenar alam pekerjaan (O'Donoghue dan Maguire, 2005). Perbezaan penguasaan kemahiran insaniah di kalangan pelajar lelaki dan perempuan juga merupakan isu yang harus diambil berat kerana isu lebih ramai graduan perempuan mengganggu menimbulkan tanda tanya, walhal di peringkat sekolah pencapaian akademik pelajar perempuan adalah jauh lebih baik (Zalizan et al. 2005). Kajian ini dijalankan bagi merungkai permasalahan yang timbul di kalangan graduan terutama terhadap graduan INSTEDT berkenaan perbezaan dari aspek sikap dan personaliti di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

Walaupun, kajian ini berkisar pada kajian tindakan penyelidik mengenai kepuasan majikan terhadap prestasi pelajar semasa menjalani latihan industri namun,

ianya bertujuan untuk mengenal pasti elemen kemahiran yang kurang dikuasai oleh pelajar supaya boleh dititikberatkan oleh pihak berwajib. Namun isu perbezaan kemahiran insaniah di kalangan pelajar yang berlainan program atau jurusan pengajian juga harus di atasi bagi mengelakkan ketidakseimbangan kemahiran insaniah di kalangan pelajar ataupun graduan di antara program ataupun jurusan pengajian. Justeru kajian ini melihat perbezaan tahap kepuasan majikan terhadap pelajar INSTEDT dari aspek hubungan pelajar dengan majikan ataupun rakan sekerja yang berlainan program semasa menjalani latihan industri. Seramai 50.5% graduan lulusan teknikal politeknik menganggur selama hampir sembilan bulan disebabkan oleh masalah kurangnya kemahiran insaniah (Mohamamed Rashid, 2005).

Malahan, kajian ini juga cuba menetengahkan teori Taksonomi Bloom yang mewakili proses pembelajaran di mana gabungan antara teori dan praktikal yang dikategorikan sebagai domain kognitif sebagai pemikiran atau intelektual, domain afektif iaitu sikap atau tingkahlaku dan domain psikomotor ialah kemahiran fizikal ataupun teknikal dalam latihan industri sebagai asas penilaian yang dilakukan bagi melihat kebolehan atau kemampuan pelajar dalam pelaksanaan tugas serta pengaplikasian teori di tempat kerja. Gabungan ketiga-tiga domain ini menghasilkan proses pembelajaran dan seterusnya menghasilkan kebolehpasaran dan kemahiran yang dimiliki oleh pelajar semasa menjalani latihan industri. Ini merujuk kepada objektif Dasar Latihan Industri (2010) yang menyatakan bahawa latihan industri mempertingkatkan pengetahuan, kemahiran terutamanya kemahiran insaniah dan pengalaman pelajar dengan organisasi dan mendedahkan pelajar kepada alam pekerjaan.

Menurut Wilson et al., (2011); Koo et. al., (2009); Kember, (2006); Bennett et al., (1999); Leckey dan McGuigan, (1997) menyatakan isu yang telah mendapat liputan luas dalam konteks Malaysia adalah pemasaran atau kebolehan siswazah dari universiti awam dan banyak juga negara-negara lain telah mengakui bahawa pendidikan tinggi yang sedia ada tidak memenuhi jangkaan atau kehendak majikan. Oleh itu, hasil

maklum balas daripada majikan serta dapatan daripada kajian ini, diharapkan dapat memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat khususnya kepada pelajar, penyelia latihan industri, pensyarah dan pihak kolej yang menguruskan hal yang berkaitan dengan program latihan industri. Maklum balas daripada pihak majikan dalam latihan industri diperlukan untuk menentukan keberkesanan dalam menyediakan pengalaman kerja untuk pelajar INSTEDT.

1.7 Skop Kajian

Untuk mencapai matlamat kajian, skop kajian ini hanya dilakukan terhadap majikan yang terlibat dalam penilaian pelajar Institut Sains dan Teknologi Darul Takzim (INSTEDT) dan majikan pula terdiri daripada sektor kerajaan dan swasta samada di negeri Johor atau pun di luar negeri Johor.

Manakala kajian ini juga hanya mengkaji kepuasan majikan dari aspek hubungan pelajar dengan majikan ketika menjalani latihan industri antara program ataupun jurusan pengajian serta mengenal pasti perbezaan sikap dan personaliti pelajar yang berlainan jantina ketika menjalani latihan industri bagi memberi fokus penambahbaikan kemahiran yang sedia ada. Penggunaan kaedah ini dapat memberi maklum balas yang berguna kepada institusi berkenaan untuk tujuan penambahbaikan terhadap kurikulum dan kaedah pengajaran (Gardner, 1999; Beck dan Kosnick, 2002).

Kajian ini hanya melibatkan pelajar Institut Sains dan Teknologi Darul Takzim (INSTEDT) kecuali pelajar Diploma Kejururawatan kerana tempoh pengajian dan

latihan industri berbeza dengan pelajar program lain. Manakala pelajar Diploma Pengajian Sukan serta Diploma Pengurusan dan Teknologi Pejabat tidak terlibat dalam kajian ini kerana mereka merupakan pelajar usahasama dari pihak Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan tidak menjalankan latihan industri.

Menurut Zhao dan Harris (2004) program latihan industri juga dapat bertindak sebagai mekanisme yang berkesan untuk menjalin hubungan yang baik antara institut pengajian tinggi dan industri ke arah pembangunan sistem pendidikan tinggi yang lebih efektif. Di samping itu, program latihan industri juga boleh dijadikan sebagai satu strategi kerajaan untuk mengatasi masalah pengangguran di kalangan siswazah yang semakin meningkat dari semasa ke semasa. Apabila pelajar menunjukkan prestasi yang baik semasa menjalani latihan industri di industri, keadaan ini boleh mendorong majikan untuk terus menyerap pelajar berkenaan sebagai pekerja di organisasi mereka (Mustapa Mohamed, 2007). Oleh itu tidak dapat dinafikan bahawa, tingkat kebolehpasaran seorang graduan bukan sahaja bergantung pada pencapaian akademik tetapi bergantung kepada kemahiran insaniah dan kemahiran praktikal (Beard, 2007; Mariana, 2008; Yassin, 2008; Mohamad Sattar Rasul, et. al., 2009; Nik Azma, 2011).

1.8 Definisi Konsep dan Operasional

1.8.1 Kepuasan Majikan

Dalam konteks kajian ini, kepuasan majikan merujuk kepada keupayaan pelajar menjalankan atau melaksanakan tugas yang diberikan dengan baik serta memenuhi

kriteria yang ditetapkan oleh majikan. Menurut Michael (2006) kepuasan majikan bermaksud kepuasan yang dikaitkan dengan prestasi tinggi di mana kepuasan dalam pencapaian dan hubungan kerja yang berkesan.

1.8.2 Personaliti

Personaliti merujuk kepada keseluruhan cara di mana individu bertindak dan berinteraksi dengan individu lain. Ia paling kerap digambarkan oleh ciri-ciri yang ditunjukkan oleh seseorang (Robbins, 2000). Ahmad Atory (2001) menyatakan personaliti sebagai sifat, keperibadian, sahsiah, tingkah laku dan pembawakan diri seseorang individu yang boleh dibezakan dengan individu yang lain. Ia juga mencirikan kebolehan dan keupayaan seseorang menyesuaikan diri dalam pelbagai persekitaran. Dalam kajian ini, personaliti merujuk kepada kebolehan bekerja dengan orang lain, kebolehan membuat keputusan, menyelesaikan masalah, kebolehan melibatkan diri dalam projek, berfikir secara kritikal, bersikap positif dan bertanggungjawab.

1.8.3 Sikap

Norhani et al. (2004) menyatakan sikap membawa maksud kelakuan dan tingkah laku pelajar dari segi pandangan terhadap aspek kerja atau pembelajaran mereka di universiti ataupun di tempat kerja. Namun, dari perspektif kajian ini sikap merujuk dengan menonjolkan tingkah laku kerja yang positif, menggunakan asas kemahiran sosial, kreatif dan mempunyai azam untuk belajar, mematuhi arahan dan peraturan, menyesuaikan diri dan keupayaan membuat kerja tanpa penyeliaan.

1.8.4 Hubungan pelajar dengan majikan

Dalam kajian ini hubungan pelajar dengan majikan merujuk kepada cara atau kemahiran pelajar berkomunikasi secara efektif, mempamerkan kemahiran bertutur, menulis dan komunikasi secara lisan semasa menjalani latihan industri. Selain itu, pelajar juga dapat mempamerkan tabiat mendengar yang baik, kemahiran bekerja secara berkumpulan yang menyumbang kepada hubungan kerja yang produktif. Menurut Faddili (2009) menyatakan hubungan pekerja dengan majikan bermaksud mewujudkan satu budaya kerja yang menguntungkan kedua-dua pihak iaitu dengan mewujudkan dan mengekalkan satu perhubungan saling faham mehami dan mengelakkan perbezaan serta mencari jalan penyelesaian kepada masalah yang dibangkitkan selain menambah pengetahuan dan latihan kerja.

1.8.5 Prestasi

Merujuk Norhani et al. (2004) menyatakan bahawa prestasi bermaksud keupayaan seseorang individu untuk menunjukkan kebolehan dan kecemerlangan hasil pembelajaran yang diikuti termasuklah dari segi kecekapan, sikap, gaya kepimpinan, komunikasi dan kemahiran dalam membuat keputusan. Dalam kajian ini, prestasi membawa maksud kebolehan atau keupayaan pelajar dalam menunjukkan kemahiran dan pengetahuan yang dimiliki dan memenuhi kehendak majikan semasa menjalani latihan industri.

1.8.6 Latihan Industri

Merujuk kepada Buku Dasar Latihan Industri Institusi Pengajian Tinggi (2010), latihan industri adalah satu syarat wajib bagi pelajar dalam program-program tertentu di semua peringkat pengajian tinggi di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) iaitu peringkat Sijil, Diploma dan Sarjana Muda bagi memenuhi syarat penganugerahan Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda masing-masing. Istilah latihan industri juga menerangkan pengalaman pendek yang diperolehi tanpa melibatkan pembayaran oleh pihak industri (R.Bruce& Mary, 2003).

RUJUKAN

- Abderrahman Hassi & Giovanna Storti (2011). Organizational Training across Cultures: Variations in Practices and Attitudes, *Journal of European Industrial Training*, 35.
- Abd Hair Awang, Azimi Hamzah & Rahmah Ismail, (2007). Program Latihan Kemahiran: Perbandingan Kos, Kebolehpasaran dan Pendapatan Pelatih. 14.
- Abdul Halim Abdul Majid (2010). Peranan Program Latihan Sumber Manusia Dalam Meningkatkan Prestasi Kerja. Petaling Jaya: *Fajar Bakti Sdn. Bhd.*
- Abdul Karim, Z.A. (2009). Measuring the success of industrial internship programme for undergraduate study. *International Engineering Education Conference, Madinah, Kingdom of Saudi Arabia.*
- Abdul Rahman Maidin (2002). Breakthrough Your Career. *Kertas kerja di National IPT, Industry and Career Symposium 2003, 12-13 Julai 2003 di Mahkota Hotel, Melaka.*
- ACNiesen Research Services (2000). Employer Satisfaction with Graduate Skills, *Research Report by the Department of Education, Training and Youth Affairs, Commonwealth of Australia.*
- Adam Dasmani (2007). Challenges Facing Technical Institute Graduates in Practical Skills Acquisition in the Upper East Region of Ghana. *Asia-Pasific Journal of Cooperative Education*. 12(2), 67-77.
- Agensi Kelayakan Malaysia (2008). <http://www.lan.gov.mqf.cfm>.

- Ahmad Esa, et. al (2008). "Memenuhi Keperluan Pihak Pengurusan Kilang Terhadap Graduan ITTHO Dalam Aspek Kemahiran Teknikal: Satu Kajian Kes Di Zon Perindustrian Batu Pahat." *Universiti Teknologi Malaysia: Penyelidikan Jangka Pendek*
- Ambigapathy Pandian dan Morshidi Sirat (2009). Kurikulum Universiti dan Keperluan untuk memperoleh Pekerjaan. Pulau Pinang, Malaysia: *Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara*.
- Amla Hj. Mohd Salleh. (2010). Penilaian dalam Kaunseling: untuk kaunselor dan profesional membantu. *Hulu Klang : Dawa Sdn.Bhd*.
- American Psychological Association (1985), Standards for Education and Psychological Testing. *Washington D.C.: APA*.
